



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/10/65 (HQ)

TNB JMFR 2020 DIBATALKAN

Program kayuhan berbasikal santai anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB), Janamanjung Fellowship Ride 2020 (JMFR 2020) di Teluk Batik, Perak yang ditangguhkan penganjurannya pada 29 Mac 2020, adalah dibatalkan.

Pembatalan terpaksa dibuat berikutan perkembangan terkini penularan wabak ini. Ia juga selari dengan langkah proaktif TNB yang lain untuk tidak menganjurkan aktiviti sukan yang tidak dibenarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penularan COVID 19.

Kesulitan yang timbul akibat pembatalan ini amat dikesali.

Pihak penganjur menghargai sokongan 1,362 peserta yang mendaftar dan 43 syarikat yang sudi menjadi rakan (partners) JMFR 2020. Kesudian mereka untuk meneruskan sokongan bagi penganjuran edisi JMFR pada tahun hadapan (jika keadaan mengizinkan), amat dihargai.

Kesemua peserta berdaftar akan dimaklumkan mengenai pembatalan JMFR 2020 menerusi surat rasmi yang akan disampaikan secara pos bersama pingat dan t-shirt penyertaan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2020, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Fazreen Eksan 019-3160401
atau emel kami: media@tnb.com.my*